

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA  
PANGKALAN DATA KOMERSIL (JKPDK) (4/2008)**

**TARIKH** : 14HB OKT 2008 (SELASA)  
**MASA** : 9.00 PG - 12.00 TENGAHARI  
**TEMPAT** : BILIK PERSIDANGAN,  
OPEN UNIVERSITY MALAYSIA

**Hadir:**

Hajjah Nooraini Ismail	(UIAM)	-	Pengerusi JKPDK
Korina Ibrahim	(UNIMAS)	-	Timbalan Pengerusi JKPDK
Noorhashimah Aris	(UIAM)	-	Setiausaha I
Ruzita Ramly	(OUM)	-	Setiausaha II

Ahmad Munawar Mohmad Anuar	(OUM)
Fatimah Abd Aziz	(FRIM)
Hani Liza Hj Norfin	(UiTM)
Khairulbahiyah Yaakub	(UTM)
Mazmin Mat Akhir	(UniMAP)
Mohammed Ariff Hj Ahmad	(MPOB)
Muhamad Saufi Che Rusuli	(UTHM)
Muzaffar Shah Kassim	(UPM)
Nazatul Shima Baroji	(UMP)
Nona Zurena Masenwat	(UKM)
Noormala Maarof	(UiTM)
Rasida Abu Bakar	(UteM)
Shukra Shuib	(UUM)
Siti Khabshah Masrom	(MMU)
Siti Zahraa Mohd Denan	(FRIM)
Sofiah Khalid	(UDM)
Sukmawati Muhamad	(USM)
Sutarmi Kasimun	(UM)
Ulya Sujak	(UM)
Wan Rosnida Wan Mohamad	(UMT)
Wan Suhaimi Ariffin	(PPPUKM)
Yafiza Abdul Halim	(UPNM)
Zawawi Tiyunin	(UMS)

**Kata-kata Aluan Pengerusi**

Pengerusi mengalu-alukan kehadiran semua ahli JKPDK.

## **AGENDA**

### **1. Perkara Berbangkit daripada Minit Mesyuarat JKPDK 3/2008**

#### ***Perkara Berbangkit daripada Minit Mesyuarat JKPDK (1/2008)***

##### ***Perkara 4: Senarai Induk Pangkalan Data (SIPDK)***

- 1.1 Cik Sutarmi (UM) memaklumkan bahawa masih ada lagi institusi yang belum melengkapkan data di dalam SIPDK iaitu UKM, UPM, OUM, UIAM, UMK, UDM, UTHM, USM, UTP, USIM dan UPNM. Semua institusi terbabit diminta menyemak SIPDK sekiranya pengemaskinian telahpun dibuat.
- 1.2 Cik Siti Khabshah memaklumkan bahawa Cik Nancy tidak lagi akan mengendalikannya SIPDK kerana beliau akan bertukar ke Unit lain. Buat masa ini, masih belum ada pengganti untuk mengambil alih tugas beliau.

***Tindakan: MAKLUMAN***

##### ***Perkara 5: Langganan Blackwell Synergy Package***

Berkaitan dengan cadangan menjemput pihak John Wiley memberi demo tentang langganan Blackwell Synergy, Pn Noorhasimah (UIAM) telah memaklumkan bahawa pihak John Wiley tidak bersetuju dengan cadangan tersebut kerana lawatan oleh pihak John Wiley telahpun dibuat ke semua perpustakaan yang melanggan Blackwell Synergy. Oleh itu, satu lagi demo tidak lagi diperlukan.

***Tindakan: MAKLUMAN***

##### ***Perkara 6: Statistik penggunaan pangkalan data***

Laporan telahpun disiapkan oleh ahli Jawatankuasa dan dibentangkan oleh Pn Mazmin (UniMAP). Kajian meneliti beberapa metrik pengukuran seperti LIBQUAL dan EQUONOX untuk memilih kaedah pengukuran yang terbaik. Dari hasil kajian, Jawatankuasa mencadangkan pihak JKPDK mengadaptasi beberapa pengukuran sedia ada untuk penggunaan ahli dalam pengambilan dan pembentangan statistik penggunaan pangkalan data.

***Tindakan: JKPDK***

#### ***Perkara Berbangkit daripada Minit Mesyuarat JKPDK (2/2008)***

##### ***Perkara 3.1: Garispanduan penilaian prestasi pembekal***

En Muzaffar (UPM) memaklumkan bahawa data telahpun dikumpul dan laporan akan dibentangkan dalam mesyuarat JKPDK akan datang.

***Tindakan: AHLI JAWATANKUASA KECIL YANG DILANTIK***

### **Perkara Berbangkit daripada Minit Mesyuarat JKPDK 3/2008**

#### **Perkara 4: MyULIS**

Pn Nazatul Shima (UMP) melaporkan bahawa hingga kini terdapat sejumlah 24,8957 judul artikel di dalam myULIS. Ahli boleh merujuk pangkalan data myULIS di alamat <http://www.ump.edu.my/ump/perpun/statistic.jsp>.

**Tindakan: MAKLUMAN**

#### **Perkara 5: Tuntutan IEEE untuk Pembayaran Langganan Sebanyak USD76,515**

- 1.1 Pengerusi meminta semua perpustakaan yang melanggan untuk menjelaskan pembayaran seperti yang telah dimaklumkan dan dipersetujui pada mesyuarat sebelum ini.
- 1.2 Pn Mazmin mencadangkan agar pihak JKPDK dan ahli yang melanggan kepada IEEE untuk menyediakan dokumen dan surat permohonan kepada pihak IEEE di Amerika Syarikat (AS) memohon pertukaran *representative* untuk memudahkan urusan di masa akan datang.
- 1.3 Cik Ulya memaklumkan bahawa borang *vendor performance evaluation* boleh digunakan untuk menghantar aduan atau komen secara standard kepada IEEE di AS.

**Tindakan: MAKLUMAN**

#### **Perkara 6: Hala Tuju JKPDK**

Pengerusi memaklumkan bahawa beliau telahpun meneliti deraf garis panduan yang disediakan. Menurut beliau, garis panduan tersebut perlu dikemaskini kerana terdapat maklumat yang tidak lagi relevan untuk digunapakai sekarang. Pengerusi juga mengingatkan ahli yang berkaitan untuk memasukkan segala panduan atau manual yang diwujudkan di bawah JKPDK seperti garis panduan penggunaan pangkalan data dan sebagainya.

**Tindakan: AHLI YANG DILANTIK**

## **2. Langganan PDK - MOHE**

Pengerusi memaklumkan bahawa satu pertemuan telah dibuat diantara En Haron (Ketua Pustakawan UiTM), En Amir (Ketua Pustakawan UPM), Pn Pengerusi (Pn Nooraini), pihak MOHE dan pembekal untuk rundingan terakhir langganan PDK - MOHE.

Dr. Ramli, selaku Pengerusi mesyuarat tersebut meminta agar semua perpustakaan yang terlibat atau melanggan kepada empat pangkalan data yang telah dicadangkan bagi tahun 2008, diminta menjelaskan langganan **secara persendirian** kepada pihak pembekal seperti yang diminta.

Di dalam mesyuarat tersebut, pembekal BLIS telah menyatakan bahawa terdapat banyak lagi institusi IPTA yang masih belum membuat pembayaran langganan. Hasil dari pertemuan dengan En. Nordin, Bhg. Kewangan KPT, beliau mencadangkan agar peruntukkan yang telah diluluskan untuk tahun 2008, digunakan untuk langganan tahun 2009, memandangkan proses kelulusan agak lambat dan memakan masa yang agak panjang.

Langganan ini walau bagaimanapun, hanya dihadkan kepada IPTA sahaja.

**Tindakan: MAKLUMAN**

### **3. Bengkel ROI**

Bengkel ROI yang telah dirancang akan diadakan pada 15 dan 16 Oktober di Kampus Kota, Universiti Malaya. Peserta yang telah memaklumkan kehadiran ialah seramai 37 orang. Pn Noorhasimah memaklumkan bahawa bayaran yuran bengkel perlu dijelaskan semasa pendaftaran pada hari pertama bengkel iaitu 15 Oktober 2008.

**Tindakan: MAKLUMAN**

### **4. Bengkel Usage Report dan myULIS**

- 1.1 Bengkel *Usage Report* telah ditetapkan di Open University Malaysia, Kuala Lumpur pada 16 dan 17 Disember 2008. Maklumat lanjut berkaitan dengan bengkel akan dihantar oleh Pn Ruzita melalui emel.
- 1.2 Cadangan senarai pangkalan data untuk pembentangan Bengkel *Usage Report* tahun 2009 akan dibincangkan pada mesyuarat JKPDK bulan Januari 2009.
- 1.3 Cadangan lokasi bagi Bengkel Usage Report 2009 adalah UNIMAS, walaubagaimana pun ianya adalah tertakluk kepada kebenaran dari ketua pustakawan dari setiap institusi. Bengkel ini dijangkakan akan diadakan pada setengah tahun kedua 2009.

**Tindakan: Pn Ruzita (OUM) dan MAKLUMAN**

### **5. Hal-hal Lain**

#### **Program JKPDK tahun 2009**

Bagi aktiviti JKPDK untuk tahun 2009, Pengerusi mencadangkan untuk mengadakan *retreat* secara berkumpulan untuk membincangkan isu-isu penting seperti garis panduan penggunaan pangkalan data, prosedur pembayaran pembelian bahan bercetak dan langganan pangkalan data, penilaian pembekal dan sebagainya. Pengerusi meminta ditubuhkan beberapa kumpulan dan setiap kumpulan perlu membuat kajian dan menyediakan proposal untuk kegunaan semua ahli. *Retreat* ini dicadangkan diadakan di luar Lembah Kelang pada setengah tahun pertama 2009.

**Tindakan: MAKLUMAN**

### **Pemakluman Gangguan Server**

En Muhamad saufi (UTHM) meminta agar pihak myULIS dan SIPDK untuk memaklumkan sebarang gangguan *server* atau *downtime* kepada ahli JKPDK agar pengemaskinian rekod dapat dijalankan dengan lancar. Ini kerana banyak masa digunakan semasa mengemaskini rekod dan sekiranya sebarang gangguan tidak dimaklumkan, usaha pengemaskinian pada waktu tersebut akan sia-sia.

**Tindakan: MAKLUMAN**

### **6. Penangguhan Mesyuarat**

Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran ahli. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.00 tengahari.